

13/09/1998

Islam tidak galak umat menuntut ilmu akhirat sahaja

Shamsudin Husin

SEBAGAI umat Islam, kita perlu menghargai masa dengan melakukan pelbagai kerja yang berfaedah dan memberi manfaat kepada diri, keluarga serta masyarakat. Sebaliknya, adalah malang bagi umat Islam yang suka menghabiskan masa tanpa faedah dengan hanya berbual kosong di kedai kopi.

Dalam hubungan menghargai masa ini, Saidina Ali pernah berkata: "Bersegeralah menggunakan kesempatan yang ada, sebelum ia berubah menjadi penyesalan." Al-Quran sendiri pernah menegaskan banyak firman Allah mengenai kepentingan masa dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah ayat yang bermaksud: "Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal salih (berbuat baik) dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan menasihati supaya menepati kesabaran." - (Al-Asr:1-3).

Secara umum, memanglah tidak menjadi sebarang kesalahan jika kita berbual-bual di kedai kopi atau warung sekiranya topik perbualan itu lebih menjurus kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan ilmu.

Sebaliknya perbualan yang sia-sia ialah yang tidak mengandungi sebarang makna, apa lagi kalau mauduk perbualan itu mengandungi unsur mengumpat kepada seseorang individu atau kumpulan.

Malah, jika ini yang dilakukan, ia bukan saja menjadi kerja sia-sia, ia juga mungkin boleh mencetuskan pertelingkahan sesama sendiri yang akhirnya melarat menjadi huru-hara dalam masyarakat.

Alangkah ruginya seluruh umat sekiranya ketidakstabilan masyarakat itu berlaku disebabkan oleh puncanya yang asas, iaitu perbualan kosong di tepi jalan atau di kedai kopi sahaja.

Ilmu itu sebenarnya boleh datang daripada banyak punca, iaitu secara formal dan tidak formal. Ilmu secara formal atau khusus boleh diperoleh di pusat pengajian tinggi atau lain-lain institusi pendidikan.

Ilmu yang datang secara tidak formal pula, mungkin boleh diperoleh di kedai kopi atau warung. Bahkan, ilmu tidak formal mempunyai banyak lagi sumber ilmu, terutama daripada buku dan kitab yang dijual di kaki lima kedai.

Bagaimanapun, budaya mencari ilmu di kalangan umat Islam akhir-akhir ini semakin merosot. Gedung ilmu seperti perpustakaan dan pusat sumber, hanya dikunjungi oleh mereka yang terbabit secara khusus untuk mencari ilmu, seperti pelajar.

Rekod penjualan buku berbentuk ilmu yang ilmiah sifatnya, menunjukkan angka yang jelas merosot. Bagi menangani masalah ini, hampir setiap daerah dan negeri, kerajaan mengadakan guru agama di bawah seliaan jabatan agama di negeri masing-masing.

Di masjid dan surau sering diadakan majlis ilmu. Namun, sambutan umat Islam terhadap majlis ilmu akhir-akhir juga amat merosot. Ada kalanya masjid yang besar dan indah hanya suku bahagian dipenuhi jemaah.

"Janganlah malas mengulang kaji sebab lancarnya kajian kerana diulang. Pelupa adalah penyakit yang berbahaya bagi ilmu pengetahuan," kata Hamka.

"Ilmu lebih berharga daripada harta benda sebab ilmu dapat menjagamu daripada malapetaka, sedangkan kamu yang terpaksa menjaganya (harta) daripada malapetaka," kata Saidina Ali.

Hidup dengan membuang masa, tanpa mengisi dengan sesuatu yang berfaedah seperti ilmu atau mengamalkan ilmu yang ada di dada adalah satu kerugian yang amat besar.

Umat Islam bukan saja rugi dari segi kekayaan di dunia, malah juga di

akhirat. Oleh itu, untuk mengatasi kerugian itulah, Rasulullah menyeru kepada umatnya agar menuntut ilmu hingga ke negeri China.

Seperti kata Saidina Ali, ilmu itu lebih berharga daripada harta, kerana ilmu bukan sahaja mampu memberi kedudukan kepada seseorang, ia juga sebahagian daripada benteng pertahanan negara. Bayangkan jika penduduk di sesebuah negara itu tidak dilengkapi ilmu yang tinggi, musuh dengan mudah menyerang dan memporakperandakan negara atau kerajaan negara berkenaan.

Ilmu juga sentiasa berubah. Contohnya, ketika kita sedang melangkah ke abad ke-21, seluruh dunia digegarkan dengan budaya teknologi maklumat atau dunia tanpa sempadan. Semua ini bermakna maklumat boleh masuk ke sesebuah negara tanpa sekatan atau sempadan yang mampu menghalangnya.

Oleh itu, untuk menapis dan menghakis maklumat palsu yang memburukkan imej negara, kita memerlukan ilmu. Kemampuan membeli sebuah komputer tanpa memiliki ilmu dari segi penggunaan dengan cara yang betul, juga tidak memberi banyak manfaat kepada pemiliknya.

Seperti yang pernah diingatkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Penjajahan dalam bentuk baru melalui pemikiran yang salah amat berbahaya sekali."

Misalnya, kita mungkin mudah percaya pelbagai laporan negatif media asing mengenai negara kita jika kita tidak mempunyai ilmu. Atau, kita mempunyai ilmu yang diambil daripada sumber yang salah.

Untuk menjadikan ilmu itu lebih bermanfaat, maka setiap Muslim mestilah lebih banyak mengetahui pelbagai perkara yang berlaku di sekelilingnya.

"Ilmu yang paling rendah mutunya ialah ilmu yang berlegar di hujung lidah dan ilmu yang paling tinggi ialah yang melahirkan kesan kepada tingkah laku dan anggotanya," kata Saidina Ali.

Apa yang dikatakan Saidina Ali itu, mengingatkan kita bahawa kita jangan salah guna ilmu yang ada untuk kepentingan diri sendiri, tetapi untuk dimanfaatkan kepada orang lain juga.

Inilah konsep ilmu yang dituntut dalam Islam dan sebab itulah Islam tidak mengehadkan umatnya mencari ilmu itu semata-mata untuk tujuan akhirat. Sebaliknya, kita dituntut menimba ilmu bagi kepentingan dunia agar umat Islam dapat mengimbangkan di antara dunia dan akhirat.

Kesenangan hidup di dunia adalah untuk tujuan kesejahteraan di akhirat. Sebab itulah masa bagi umat Islam dianggap bernilai seperti emas. Berbeza dengan orang yang suka membuang masa, mereka sentiasa berasa dalam keadaan kerugian.

(END)